

Tingkat kerjasama dengan Malaysia jadi keutamaan China

BH- 13/7/2022 W/d: 5

Putrajaya: China akan terus memberi keutamaan untuk meningkatkan kerjasama dua hala dengan Malaysia, terutama bagi menangani cabaran semasa dihadapi kedua-dua negara pada hari ini seperti inflasi global dan keselamatan makanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dinyatakan Penasihat Negara merangkap Menteri Luar China Wang Yi ketika kunjungan hormatnya ke Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, Wang Yi turut menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia atas peluang yang diberikan kepada syarikat infrastruktur China untuk terbabit dalam projek pembangunan negara, antaranya pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

“China berhasrat menerus-

kan kesinambungan jaringan landasan kereta api, yang turut membabitkan Laos dan Thailand,” katanya dalam catatan di laman Facebook rasminya.

Perdana Menteri berkata, pertemuan satu jam itu turut membincangkan mengenai hubungan dua hala serta kepentingan dalam membangunkan ekonomi digital.

Beliau berkata, Malaysia mengalu-alukan minat lebih banyak delegasi rasmi dan perniagaan dari China seperti Huawei untuk sama-sama terbabit dalam inisiatif kerajaan.

Malaysia adalah negara ASEAN pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China pada 1974 dan kedua-dua negara menjalin hubungan erat serta membangun perkongsian untuk kepentingan bersama pelbagai aspek.

Dalam pertemuan itu, Ismail

Sabri turut berkata, China perlu memainkan peranan penting bagi memastikan keamanan dunia dikekalkan.

“Saya menyuarakan pandangan bahawa setiap konflik wajar diselesaikan di meja rundingan dan bukan melalui peperangan,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menyampaikan ucapan selamat kepada Presiden China Xi Jinping dan Premier Li Keqiang.

“Saya menyuarakan hasrat untuk mengadakan lawatan rasmi ke China dalam masa terdekat dan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Xi dan Premier Li,” katanya.

Wang Yi kini dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Malaysia bermula kelmarin.

Kali terakhir Wang Yi mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia adalah dua tahun lalu.



Ismail Sabri menerima kunjungan hormat Wang Yi di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)